

*Perutusan***KETUA MENTERI
SABAH**

Kemenangan besar Barisan Nasional (BN) Sabah dalam pilihan raya umum 2008 adalah hasil kerjasama dan muafakat seluruh parti komponen BN termasuklah Parti Bersatu Sabah (PBS) dan sokongan padu rakyat. Ia jelas membuktikan bahawa rakyat Sabah terus meyakini kewibawaan dan rekod cemerlang BN dalam memacu pembangunan negeri dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada kepimpinan PBS dan pada penyokong yang telah menyumbang kepada kejayaan yang cemerlang itu.

Saya juga amat menghargai komitmen tinggi PBS yang terus memainkan peranan secara positif menjadi rakan kongsi politik yang penting dalam BN Sabah dan menyumbang ke arah pembangunan, perpaduan dan kemakmuran negeri dan negara yang tercinta ini.

Saya percaya persefahaman, kerjasama dan konsensus dalam kalangan parti-parti komponen BN amat penting sesuai dengan 'Semangat BN' bagi membolehkan kita menunaikan mandat dan amanah rakyat dengan penuh tanggungjawab. Oleh yang demikian, saya berharap agar rakyat terus memberikan sokongan padu kepada kerajaan BN untuk meneruskan agenda pembangunan bagi kepentingan kita bersama dan generasi akan datang.

Akhir sekali, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada ahli-ahli PBS dan seluruh kepimpinan parti di semua peringkat atas kejayaan mengadakan Persidangan Perwakilan Kali Ke-23 ini.

Selamat bersidang dan selamat maju jaya.

YAB DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN